



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

**Mesyyuarat *ASEAN Committee on Consumer Protection (ACCP)* Kali Ke-28 dan
Mesyyuarat-Mesyyuarat Berkaitan diadakan di Bandar Seri Begawan**

Tarikh: 20 Mei 2024

1. Mesyyuarat ke-28 *ASEAN Committee on Consumer Protection (ACCP)* dan mesyyuarat-mesyyuarat berkaitan berlangsung hari ini di Bandar Seri Begawan. Mesyyuarat empat hari itu akan mengongsikan perkembangan dan mempertimbangkan inisiatif-inisiatif dan hasil-hasil utama di bawah Pelan Tindakan Strategik Perlindungan Pengguna ASEAN 2025 dan isu perlindungan pengguna yang terkini termasuk *e-commerce* rentas sempadan, keselamatan produk dan kepentingan pemerksaan pengguna.
2. Pegawai-pegawai kanan dari agensi perlindungan pengguna dari negara-negara anggota ASEAN, bersama dengan wakil dari Sekretariat ASEAN, dan Timor-Leste sebagai pemerhati, menghadiri mesyyuarat tersebut.
3. Mesyyuarat dimulakan dengan ucapan perasmian daripada Yang Mulia Heidi Farah binti Abd Rahman, Pemangku Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Beliau mengucapkan terima kasih atas komitmen kolektif para perwakilan dalam usaha untuk mengukuhkan rejim perlindungan pengguna yang bertujuan bagi meningkatkan keyakinan dalam pasaran domestik dan rentas sempadan di rantau ASEAN. Usaha ini akan memberi ruang untuk pengembangan pasaran dan meningkatkan peluang perdagangan.

4. Yang Mulia Awang Loke Shiu Meng, Penolong Ketua Eksekutif Suruhanjaya Persaingan dan Pengguna Singapura (CCCS), mempengerusikan mesyuarat tersebut. Beliau menekankan peranan penting ACCP dalam memupuk landskap pengguna yang berdaya tahan dan inklusif di rantau ASEAN dalam peralihan transformatif yang didorong oleh revolusi digital, dinamik geopolitik, dan tren terkini yang memberi kesan kepada kesejahteraan pengguna serantau. Beliau menegaskan keperluan bagi membina mekanisme perlindungan pengguna yang mantap, mengukuhkan penguatkuasaan dan kerjasama rentas sempadan, memupuk kepercayaan dalam pasaran, dan menggalakkan perniagaan untuk mempraktikkan amalan yang wajar. Tindakan ini akan menjana inovasi, interaksi yang bermanfaat antara pengguna dan perniagaan, serta pertumbuhan mampan dan inklusif di rantau ASEAN.
5. Mesyuarat berkaitan yang melibatkan rakan pembangunan ACCP juga akan diadakan bagi membincangkan dan mengemaskini program dan inisiatif di bawah Program Hal Ehwal Pengguna (CAP), yang dilaksanakan dengan kerjasama suruhanjaya persaingan dan perlindungan dari Australia dan New Zealand.
6. Mesyuarat ACCP bertujuan bagi melaksana dan memantau kerjasama serantau bagi perlindungan pengguna dalam Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC). Sejak 2007, tumpuan diberikan kepada memastikan setiap ahli negara ASEAN mempunyai perundangan perlindungan pengguna, menambah baik akses pengguna kepada maklumat, mewujudkan mekanisme ganti rugi, dan meningkatkan kapasiti institusi, seperti yang digariskan dalam Pelan Tindakan Strategik ASEAN mengenai Perlindungan Pengguna (ASAPCP) 2025.
7. Dianjurkan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, mesyuarat tersebut berlangsung di Hotel Radisson, Bandar Seri Begawan.

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi



PRESS RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

***The 28th Meeting of the ASEAN Committee on Consumer Protection
and Related Meetings commences in Bandar Seri Begawan***

Date: 20 May 2024

1. The 28th Meeting of the ASEAN Committee on Consumer Protection (ACCP) and Related Meetings commences today in the capital. The four-day meeting will share developments and deliberate key initiatives and deliverables under the ASEAN Consumer Protection Strategic Action Plan 2025 and emerging consumer protection issues including Cross-Border E-Commerce, product safety, and the importance of consumer empowerment.
2. Senior officials from ASEAN member states' consumer protection agencies, along with representatives from the ASEAN Secretariat, and Timor-Leste as observers, are attending the meeting.
3. The meeting commenced with opening remarks from Yang Mulia Heidi Farah binti Abd Rahman, Acting Deputy Director-General of the Department of Economic Planning and Statistics (DEPS), Ministry of Finance and Economy. She expressed gratitude to the delegates for their collective commitment to strengthening the consumer protection regime, aiming to enhance confidence in the marketplace both domestically and across ASEAN borders. This endeavor ultimately paves the way for market expansion and increased trade opportunities.

4. Mr. Loke Shiu Meng, Assistant Chief Executive of the Competition and Consumer Commission of Singapore (CCCS), chaired the meeting. He emphasized the pivotal role of ACCP in fostering a resilient and inclusive consumer landscape across ASEAN, amid transformative shifts driven by the digital revolution, geopolitical dynamics, and emerging trends impacting regional consumer welfare. He stressed on the need to build robust consumer protection mechanisms, strengthen cross-border enforcement and cooperation, foster trust in the marketplace, and encourage businesses to adopt fair practices. These actions will support innovation, mutually beneficial interactions between consumers and businesses, and sustainable, inclusive growth throughout ASEAN.
5. Additionally, related meetings with ACCP's development partners will discuss and update ASEAN member states on programs and initiatives under the Consumer Affairs Program (CAP), implemented in collaboration with the Australian and New Zealand competition and consumer commissions.
6. The ACCP meeting aims to implement and monitor regional cooperation for consumer protection within the ASEAN Economic Community (AEC). Since 2007, the focus has been on ensuring each member state has consumer protection laws, improving consumer access to information, establishing redress mechanisms, and enhancing institutional capacity, as outlined in the ASEAN Strategic Action Plan on Consumer Protection (ASAPCP) 2025.
7. Hosted by the Department of Economic Planning and Statistics (DEPS) in the Ministry of Finance and Economy, the meeting takes place at the Radisson Hotel, Bandar Seri Begawan.

Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy